



Bahasa dan Sastera

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- | | |
|--|---|
| <p>1 Dania berasa <u>sungguh gembira sekali</u> apabila menerima hadiah daripada ibu.
 A paling gembira
 B sungguh gembira
 C terpalang gembira
 D sungguh gembira sekali</p> | <p>3 Guru merupakan insan <u>terpalang penting sekali</u> dalam pembentukan sahsiah diri pelajar.
 A paling penting
 B terpalang penting
 C terpenting sekali
 D terpalang penting sekali</p> |
| <p>2 Tok Gajah merupakan pahlawan yang <u>amat hebat sungguh</u> dalam perjuangannya menentang penjajah di Pahang.
 A amat hebat
 B amat sungguh hebat
 C sungguh hebat amat
 D amat hebat sungguh</p> | <p>4 Alif teruja melihat pemandangan matahari terbenam di tepian pantai yang <u>indah nian</u> itu.
 A nian indah
 B sekali indah
 C terindah sekali
 D indah nian</p> |

Bahagian B

Susun semula perkataan atau frasa di bawah supaya menjadi ayat susunan biasa yang gramatis. Ayat yang dibina hendaklah menepati pola ayat dasar Frasa Nama + Frasa Adjektif yang telah ditetapkan.

Anda hendaklah menggunakan semua perkataan yang diberikan dan tidak boleh menambah perkataan lain.

- 1
- | | | | | |
|--------------|-------|-----------|----------|-----------------|
| anak-anaknya | bijak | Encik Ali | mendidik | berjimat cermat |
|--------------|-------|-----------|----------|-----------------|

- 2
- | | | | | | | |
|---------|-------|-------|--------|------------|-----|-----------|
| berjaya | polis | pihak | semula | penjenayah | itu | memberkas |
|---------|-------|-------|--------|------------|-----|-----------|

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

"Kami semua mahukan kemajuan. Walaupun kami tak berapa muda macam Alif ni, kami pun nak juga menikmati kemajuan. Nak tengok pembangunan, nak melangkah ke depan. Bukannya berpatah balik ke belakang."

Suara Abang Man terasa berisi gula-gula, kedengaran lunak bahasanya.

Emak masih bergeming, tidak mengalihkan tekurannya walau segarit.

"Anak Mak Wan ni kan belajar di universiti? Dengarnya ada ijazah ekonomi. Tak kan budak universiti macam dia nak buat kerja kampung begini? Eh, betulkah dia tamat belajar? Entah-entah dia tak lulus periksa, itu yang beria-la sangat nakkan petak tu ... sebab tak dapat kerja lain!"

Suara Abang Man kali ini *berubah nada cabul*. Terangkat kepala emak. Terpanggung kepala Tuk Ketua.

Alif membulatkan mata. Terpandangan Abang Man yang tersengih-sengih berasa menang, terasa seperti mahu menghadiahkan penumbuk sebutir dua ke muka lelaki itu, biar dia tersungkur membaham tanah. Beberapa orang lelaki lain yang berada di anjung itu turut sama tersenyum-senyum kambing.

"Beginilah, kamu semua balik dulu. Kata datang sini mahu bincang elok-elok. Tapi kalau sudah terkeluar tajuk sampai menyakitkan hati orang, Mak Wan rasa eloklah kamu balik dulu. Biar Mak Wan berbincang secara anak-beranak dengan Alif."

(Dipetik daripada cerpen "Menuai Emas" antologi

Baik Budi, Indah Bahasa, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

1 Berdasarkan petikan, rangkai kata *berubah nada cabul* membawa maksud

- A bertukar bunyi yang tidak senonoh.
- B bertukar suara yang tidak sesuai.
- C bertukar bahasa yang tidak baik.
- D bertukar kata-kata yang tajam.

2 Mengapakah Mak Wan meminta semua tetamu yang berada di rumahnya pulang?

- A Perbincangan mereka pada hari itu sudah tamat
- B Semua tetamu yang mulai bergaduh sesama mereka
- C Mak Wan kecewa dengan tuduhan tetamu terhadap Alif
- D Mak Wan berasa marah kerana tetamu-tetamunya tidak mahu mendengar kata-katanya

Suara Abang Man terasa berisi gula-gula

3 Apakah peribahasa yang sesuai bagi pernyataan di atas?

- A Menanam tebu di pinggir bibir
- B Seperti lembu dicucuk hidung
- C Di mana ada gula, di situ ada semut
- D Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing

4 Berikut merupakan perwatakan Alif yang terdapat dalam cerpen tersebut, **kecuali**

- A anak kepada Mak Wan.
- B yakin akan kebolehan diri.
- C seorang yang panas baran.
- D lulusan universiti dalam bidang ekonomi.

5 Apakah peleraian bagi cerpen tersebut?

- A Alif ditahan oleh polis
- B Alif berjaya mengusahakan estet padi mini
- C Abang Man ditahan oleh polis kerana menyerang rumah Mak Wan
- D Mak Wan menyerahkan petak-petak padinya untuk projek perumahan